

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. Tuan Wong Ling Bui  
[ SARIKEI ]**

**NO. SOALAN : 362**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai perancangan untuk menggantikan paip air yang uzur di Daerah Meradong dan Sarikei. Memandangkan kebanyakan paip air telah digunakan lebih daripada 30 tahun, penggantian paip air baru perlu dilaksanakan untuk mengelakkan selalunya berlaku kebocoran paip air.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kerja-kerja penukaran dan penggantian paip adalah di luar skop program Bekalan Air Luar Bandar yang dilaksanakan oleh Kementerian. Kerja-kerja tersebut adalah termasuk dalam skop pengoperasian dan penyelenggaraan oleh Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) yang terlibat di kawasan berkenaan.

Sehubungan itu, Kementerian ini mencadangkan agar PBAN terbabit untuk memohon pinjaman dari pihak Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air di bawah Program Pengurangan Kadar Kehilangan Air Tidak Berhasil (NRW) bagi membiayai kos penukaran paip tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG  
[ LANANG ]**

**SOALAN : 363**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ] minta MENTERI  
PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) mengapa laluan penerbangan dalam negeri Sarawak (penerbangan domestik) seperti Sibu-Bintulu, Sibu-Miri, Sibu-Kota Kinabalu tiada pilihan lain selain daripada MASwings; dan
- (b) mengapa tambang laluan penerbangan tersebut lebih mahal daripada tambang laluan Sibu-Kuala Lumpur/Sibu-Johor dan sama ada warga emas yang sepatutnya mempunyai 50 peratus diskaun tambang apabila menggunakan perkhidmatan MAS hanya dapat diskaun tambang sekiranya membuat tempahan 'last minute' tetapi tidak mempunyai diskaun jika 'advance booking'.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada syarikat penerbangan lain yang beroperasi di laluan Sibul-Bintulu, Sibul-Miri, Sibul-Kota Kinabalu kerana laluan-laluan ini telah disenaraikan di bawah Perkhidmatan Udara Luar Bandar (*Rural Air Services – RAS*) di mana MASwings telah diberi tanggungjawab oleh Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan ini.
- (b) Berhubung tambang laluan penerbangan tersebut lebih mahal daripada tambang laluan Sibul-Kuala Lumpur/Sibul-Johor, penetapan tambang domestik oleh syarikat-syarikat penerbangan negara adalah berdasarkan kepada rasionalisasi sektor perkhidmatan udara domestik pada tahun 2006. Dalam hal ini, Kerajaan memutuskan bahawa syarikat-syarikat penerbangan negara yang menyediakan perkhidmatan udara domestik diberikan kebebasan dalam menentukan liputan rangkaian (*network coverage*), kekerapan penerbangan dan kadar tambang yang ingin ditawarkan berdasarkan permintaan pasaran. Dalam hubungan ini, syarikat-syarikat penerbangan negara akan menetapkan kadar tambang penerbangannya dengan mengambil kira faktor-faktor di atas, keadaan ekonomi serta faktor-faktor lain seperti harga bahan api dan kos operasi. Sehingga kini, harga yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat penerbangan adalah harga yang kompetitif.

Manakala, berhubung diskaun sebanyak 50 peratus kepada warga emas untuk tambang penerbangan syarikat Malaysia Airlines (MAS), pihak MAS memberikan diskaun sebanyak 50 peratus

hanya kepada tambang kategori *published fares* kepada warga emas dan diskaun tersebut tidak terpakai kepada tambang dalam kategori promosi. Untuk mendapatkan diskaun bagi *published fares* tersebut, warga emas perlu membuat tempahan 5 hari sebelum tarikh perlepasan.